



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 27 OGOS 2024 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• SELANGOR MAHU SEMUA PBT SERAGAM PERATURAN UBAH SUAI RUMAH

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPS	• COUNCIL EXPLAINS PROCESSES BEFORE RAWANG INCINERATOR PROJECT CAN START
		MPSEPANG	• CAT NUTRITION RESEARCH DEAL MULLED FOR CYBERJAYA
		DBKL	• KL MARKET MAKEOVER MISSES THE MARK
		DBKL	• RELEASE CITY'S MAPPING SYSTEM
2.	HARIAN METRO	DBKL	• TIADA BUKTI KUKUH KL TAK SELAMAT

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• REINFORCING CYBERSECURITY
2.	SINAR HARIAN	• CECAH PARAS TERTINGGI DALAM TEMPOH 28 BULAN • KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM ANJAKAN BESAR TINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN • Mencari makna merdeka • #QURANHOUR PERLU DISOKONG, MAMPU BERI IMPAK BESAR • AKTA 854 TINGKAT KESELAMATAN SIBER NEGARA MULA BERKUAT KUASA
3.	HARIAN METRO	• ALIH SEGERA JALUR GEMILANG JIKA JATUH DI JALAN RAYA • MOHD ZUKI DILANTIK PENERUSI KWSP
4.	KOSMO	• MOHD ZUKI DILANTIK PENERUSI KWSP BAHARU • JAGA KEHORMATAN JALUR GEMILANG – FAHMI
5.	BERITA HARIAN	• MOHD ZUKI DILANTIK PENERUSI BAHARU KWSP • PENGUKUHAN RINGGIT DIJANGKA BERTERUSAN • HAMPIR 40 PERATUS DASAR BAWAH TANAH KL BERISIKO BENCANA GEOLOGI • AKTA KESELAMATAN SIBER 2024 SUDAH DIKUATKUASAKAN
6.	UTUSAN MALAYSIA	• RINGGIT DIJANGKA CAPAI RM4.0 AKHIR TAHUN INI • BIAR PENUH INTEGRITI URUS KELUARGA DALAM WAKTU KERJA • KKM KESAN 31 KES DISYAKI MPOX, 25 DISAH NEGATIF – DR. ZULKEFLY • AKTA KESELAMATAN SIBER DIKUAT KUASA
7.	NEW STRAITS TIMES	• A STABLE ECONOMY WILL KEEP RINGGIT STRONG • RINGGIT FAIR VALUE VERSUS US DOLLAR IS 3.90, SAYS MIER
8.	THE SUN	• RINGGIT COULD RISE TO 4.20-4.25 BY END OF 2024: MIER • MPOX EPIDEMIC DISINFORMATION DEBUNKED • CALL FOR JUSTICE IN ENVIRONMENTAL CRIMES



PRU

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari

E-Paper

Langgan

Utama Terkini Berita Suara Sinar Sinar Islam Podcast Khas Video Berita Premium Untuk Anda



EDISI [Follow](#) > Selangor KL [Follow](#)

Selangor mahu semua PBT seragam peraturan ubah suai rumah

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

[Follow](#)

26 Ogos 2024 04:03pm

Masa membaca: 2 minit



Kerajaan Selangor merancang mengeluarkan buku panduan pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung kerja-kerja pengubahsuaian rumah taman di negeri ini.

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor merancang mengeluarkan buku panduan pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung kerja-kerja pengubahsuaian rumah taman di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee Lim berkata, pada masa ini, tiada penyelarasan di semua PBT berhubung permohonan pemilik rumah taman yang ingin melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian.

"Kita kenal pasti ada PBT membenarkan pengubahsuaian rumah dua atau tiga tingkat, manakala sebahagian PBT lagi tidak membenarkannya.

"Kita melihat (pengubahsuaian rumah) di sesebuah taman perumahan tidak seragam seolah-olah kawasan itu ada tinggi (dua atau tiga tingkat), dan (rumah) rendah (setingkat), jadi ia tidak seragam," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Suee Lim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan memberitahu, perkara itu dalam perhatian kerajaan Selangor bagi memastikan semua peraturan mengenai pengubahsuaian rumah taman diselaraskan di setiap PBT.

Beliau memberitahu, pada peringkat permulaan, satu jawatankuasa induk dianggotai empat PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) akan bermesyuarat bagi membincangkan perkara itu.

Jelas beliau, jawatankuasa yang dipengerusikan beliau itu juga akan mengadakan pertemuan dengan pembayar cukai taksiran dan wakil persatuan perumahan.

"Kita akan berbincang untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka supaya ada libat urus bagi mengetahui ketidakselarasan yang berlaku.

"Mereka juga dikenakan tambahan bayaran cukai taksiran, namun perkara ini akan dilihat secara menyeluruh dan lebih seragam supaya ada ketetapan dibuat mengenainya," tambah beliau.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 27 OGOS 2024

Council explains processes before Rawang incinerator project can start



Shahman: Selayang council is aware of residents' concerns.

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

SELAYANG Municipal Council (MPS) says the proposed incinerator project in Batu Arang cannot commence before relevant studies are carried out.

However, MPS president Shahman Jalaludin said land rezoning for the project would have to be done prior to the studies.

"The important thing for people to understand is that we are not even at the construction stage yet. Many people are

unclear about this issue.

"After rezoning, only then can the studies be carried out.

"After the studies are completed, the proposal will be sent to the Selangor government to decide," he told *StarMetro* after chairing the council's full board meeting.

Shahman's explanation came in the wake of protests by Rawang residents against the plan to rezone the proposed incinerator site from residential to industrial status.

He was responding to a July 2 *StarMetro* report about resi-

dents submitting over 4,000 objection forms to MPS opposing the rezoning plan for the incinerator project.

The objection forms outlined key issues such as conflicts with Rawang's image as a heritage town, traffic hazards, health risks, odour and water pollution as well as the potential impact on property value.

Shahman said KDEB Waste Management Sdn Bhd, project operator for the proposed RM4.5bil incinerator, was tasked with carrying out the Environmental Impact

Assessment, Social Impact Assessment, Traffic Impact Assessment and Soil Investigation Report.

He said the council was in process of rezoning the land from residential to industrial.

"We are taking residents' concerns into serious consideration," he added.

"This project involves various departments like the Department of Environment and state PLAN Malaysia (Town and Country Planning Department).

"We will work with them to move forward," he added.

THE STAR

Tarikh: 27 AUG 2024



Taman Kucing in Taman Tasik Cyberjaya has successfully rehomed 78 cats. — Photos: Filepic



Rescued felines are treated and neutered before being put up for adoption at the cat park run by Sepang Municipal Council.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

SEPANG Municipal Council (MPSepang) is reviewing a proposal from a pet food manufacturer to set up a cat nutrition research facility in Taman Tasik Cyberjaya, Selangor.

Council president Datuk Abd Hamid Hussain said the company planned to invest about RM18mil in the project and had identified a 0.4ha plot within the park.

In exchange, the company proposes to take over maintenance of the council's cat park, Taman Kucing, nearby.

"This would include covering all expenses related to cat food, medical treatment and general hygiene.

"The company has requested a 30-year agreement to ensure a

Cat nutrition research deal mulled for Cyberjaya

Council reviewing RM18mil plan in exchange for maintaining cat park

return on their significant investment," Abd Hamid said, adding that the council was still working out the details.

"The primary goal of the research facility is to study cat behaviour in relation to food, with the aim of developing improved cat food varieties.

"The presence of a diverse range of cats in the park would

provide valuable data for the company's research," he added during the council's full board meeting.

Abd Hamid said the council spent RM435,000 to set up Taman Kucing to house cats rescued during enforcement operations.

It is currently run on donations from the public and

corporate sector.

The rescued cats, he said, are treated and neutered before being put up for adoption, adding that 78 cats had been successfully rehomed.

On the proposed assessment tax revision, Abd Hamid said MPSepang received 9,610 objections from the 171,396 notices that were sent out.


"The objection hearing was concluded on Aug 23, with only 23.2% attendance.

"Most objections were not related to the increase in their bills, but rather perceived unsatisfactory services," he said.

Abd Hamid added that a dedicated counter had been set up to address these service-related complaints.

THE STAR

Tarikh: 27 AUG 2024



Chew (right) and Yuesnaedy looking at the site for phase three of the Pasar Raja Bot redevelopment in Chow Kit, Kuala Lumpur.

Story and photos by JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

TRADERS at Kompleks Raja Bot in Chow Kit, Kuala Lumpur, have been grappling with numerous unresolved issues since it opened in March this year.

From inadequate water supply to vacant stalls, these problems have severely impacted their operations.

Kompleks Raja Bot represents the second of a four-phase redevelopment project for Pasar Raja Bot, with a total investment of RM177.5mil.

The first phase, completed in 2016, introduced a roofed structure for the vegetable and fruit market.

Phase three is expected to include a similar building next to Kompleks Raja Bot, while phase four will feature a multi-storey carpark.

Both of these phases will be constructed within the vicinity of Pasar Raja Bot.

Reluctant to move

Nearly six months since its opening, some traders still refuse to move into the new complex.

At a glance, only a handful of stalls in the wet market section on the ground floor are in operation.

According to traders, the old market — comprising zones 1A, 1B and 1E, located next to the vegetable and fruit market along Jalan Raja Alang — continues to attract more customers.


They believe customers are still more familiar with the old market.

Committee members from Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Kawasan Chow Kit had previously expressed concerns about the lack of publicity by the authorities.

Not enough was done to inform the public about the new market, which the traders said made them reluctant to move into the new complex.

KL market makeover misses the mark

Raja Bot traders urge City Hall to fix design flaws at new complex before shoppers vanish for good



Small fridges on the lower ground floor. The area is not suitable as a cold room because it is located in the middle of the building, say traders.

"That might change now, as traders have been ordered by the authorities to relocate to the new market," said association chairman Yuesnaedy Idrus.

"Those still hesitant may receive a notice from Kuala Lumpur City Hall (DBKL)."

"So far, only 40% have moved into the complex with most of them being food hawkers," he said.

On Aug 6, Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories), Dr Zaliha Mustafa, made an unannounced visit to the market.

In a social media post following the visit, she stated authorities would enforce action against those who had not relocated to the new

market complex.

In a two-minute and 17-second TikTok video, she urged traders to fully utilise the modern three-storey market complex by moving in promptly.

"The department has received numerous complaints, one of which is that traders have not yet moved into their allocated spaces."

"This has resulted in the complex struggling to attract customers."

"The authorities will enforce this relocation," she stated in the video.

Dr Zaliha also directed DBKL to ensure that all necessary facilities for both customers and traders are fully operational in the complex.

"We will continue to monitor the actions taken by all relevant agencies to ensure that the facilities are optimised," she added.

New problems emerge

StarMetro highlighted in multiple reports in May and June that the market complex had been plagued by various issues.

Besides the lack of awareness, the market complex has inadequate water supply due to low pressure.

This is due to broken water pipes with repairs expected to take six months.

Currently, at least five water tankers are deployed to top up the water tanks at the complex every day.

Yuesnaedy said while these problems were yet to be resolved, new issues had arisen.

"Last month, dirty water started flowing out from the pipes on the lower ground floor of the complex, emitting a foul stench."

"We are unsure of the source of the water, but it has created an unpleasant environment for traders who use the area to store some of their items."

"The water was cleared once by contractors, but after a few days, the problem returned," he said.

Yuesnaedy added that the lower ground floor of the complex would flood during a downpour.

"The water can rise as high as half a foot, leaving the walls stained by floodwaters."



Chicken traders operating at the wet market in Kompleks Raja Bot.

"Traders sometimes have to wade through the water to continue their operations," he said.

Yuesnaedy is concerned that if these problems persist, it would drive away traders before the complex is fully occupied.

"Four stalls at the food court have already closed down because they couldn't cover the cost of rent with so few customers.

"Parking is also a problem here, and we are waiting for phase four of the Pasar Raja Bot redevelopment to be completed," he said.

A dried goods seller, who wished to be known only as Oh, said there were very few customers in the complex.

"On a bad day, I make only RM20, and I don't know how long I can sustain the business.

"I hope the authorities can encourage the remaining traders to move into the complex soon," she said.



Oh hopes other traders can be encouraged to move into the complex.

too narrow, and some stalls are obstructed by the building's facade.

"For example, we initially thought that the row of stores facing Jalan Raja Alang would be a prime location.

"But concrete barriers that were erected in front of the stores are blocking the storefront.

"Meanwhile, those facing the vegetable and fruit market are doing better because customers who visit the market can easily see the stores from the ground level," he said.

Chew suggested that the ground floor in phase three of the market complex be opened up to make the new building more visible to the public.

"Additionally, the design should consider spaces for 'cold rooms' where traders can refrigerate their goods.

"Although the lower ground level of the Raja Bot complex has designated spaces for a 'cold room,' they are unsuitable.

"The allocated spaces are in the middle of the building, which prevents traders from installing compressors outside.

"Installing compressors inside the building would cause the entire floor to heat up," he said.

Yuesnaedy hopes that DBKL




Yuesnaedy says new issues have emerged at the complex.

would seriously look into the matter and address the problems faced by traders.

"Delays in addressing these problems would drive away not only customers but also traders.

"Customers are already dwindling here. We hope the authorities will assist us as soon as possible," he said, adding that he had planned to write to DBKL to waive the stalls' rental for at least a year.

DBKL had not responded at press time to queries from StarMetro on the matter.



A trader roasting peanuts has resorted to various ways to channel the heat from the oven to other areas as the shoplots are not equipped with cooking hoods.



Kompleks Raja Bot traders going about their daily routine.



A worker collecting coconuts at the lower ground level which traders say is not a suitable storage space.

Future development woes

The previous transit markets 1C and 1G, located next to the current complex, have been demolished to make way for phase three of the Pasar Raja Bot market redevelopment.

Among them are meat and fish traders as well as those selling dried goods, flowers and other items.

Some of these traders have moved away, while others are operating temporarily in other areas of the market.

This new phase will feature a market building similar to the existing Raja Bot complex to accommodate these remaining traders.

Association secretary Chew Meng Leong wants DBKL to review the building's design.

"Some of the facilities and structural elements of the market complex are not favourable to traders.

"For instance, some trading lots don't have water supply, forcing traders to get water from other locations.

"The alley designated for loading and unloading goods is

'Release city's mapping system'

Move crucial for transparency, accountability and safety of people, DBKL told

By BAVANI M.
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The recent sinkhole incident that swallowed Indian national Vijayalakshmi has increased the concerns of residents here, especially those living in areas prone to developing sinkholes.

On Aug 23, Vijayalakshmi fell into a sinkhole that appeared beneath her feet while she was walking with her family near the Malayan Mansion in Jalan Masjid India.

As authorities continue the search and rescue mission for the 48-year-old, community leaders are urging Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to publish the city's underground mapping system to keep residents informed about the infrastructure beneath their neighbourhoods.

"I have requested that DBKL make the city's underground mapping system public so that we residents are aware of the utilities and infrastructure beneath us," said Save Kuala Lumpur chairman Datuk M. Ali.

"Bangsar, Federal Hill and Brickfields have been prone to sinkholes for decades, with some occurring in quick succession within days.

"This is largely due to parts of the city being built on limestone formations. Limestone, being a sedimentary rock, is particularly vulnerable to erosion by water.

"We've seen older parts of



Intensive operation:

An aerial view showing rescue personnel working along Jalan Masjid India in Kuala Lumpur.
— SHAARI CHEMAT/The Star

Bangsar, especially Jalan Bangsar, Lorong Maarof and nearby roads, frequently experience sinkholes.

"These incidents have not only caused delays in cabling and utility projects, but also inconvenienced the community.

"We have repeatedly asked previous mayors for a copy of the city's underground mapping system, but so far, no one has listened."

Brickfields Rukun Tetangga chairman SKK Naidu, who shares the same view, said residents have the right to know what lies beneath their homes and streets.

"By making the city's underground mapping system public, DBKL can promote transparency,

accountability, and most importantly, safety.

"This is not just about avoiding inconvenience. It's about preventing potential disasters in areas prone to sinkholes and infrastructure failures," he said.

Naidu said each time there is heavy rain, sinkholes would appear in and around Brickfields.

Critical areas, he said, were the Jalan Sultan Abdul Samad stretch, which is prone to heavy traffic, some parts of Little India, and the Jalan Scott area.

"We have had complaints from schools and churches of doors not aligning and the ground sinking," he added.

Geological Society of Malaysia

president Assoc Prof Dr Mohd Hariri Ariffin said the residents' concerns are valid, given Kuala Lumpur's geological composition, which includes sedimentary rock, sand formations and limestone formation.

He said limestone in particular is susceptible to erosion, which could lead to sinkholes and other forms of ground subsidence.

"Sinkholes beneath cities often develop as water slowly erodes the ground, whether due to natural causes like heavy rainfall or from leaking infrastructure.

"When the ground below can no longer support the surface, it collapses, turning an unseen problem into a sudden and dan-

gerous reality," said Mohd Hariri, who is also Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Science and Technology deputy dean (Industry and Community Partnerships).

He said certain areas are more vulnerable, especially where heavy construction activity, busy roads and underground rivers add pressure to the ground.

"We can't always see what's happening underground, but pressure, erosion, and ageing infrastructure like sewage systems and pipes, can all contribute to the risk," he said.

According to Mohd Hariri, there are early warning signs that could indicate a sinkhole may be forming.

"Cracks in the ground, sinking depressions, or doors that suddenly won't close properly are subtle yet significant warning signs.

"When the ground begins to shift beneath us, it's often the quiet changes that speak the loudest," he added.

Mohd Hariri said that while proximity to rivers could increase the risk, sinkhole formation is influenced by multiple factors including soil type, water flow, and the quality of construction and maintenance.

"Proper engineering practices and thorough assessments are crucial to reducing these risks," he added.

At press time, the search for Vijayalakshmi was still ongoing.

THE STAR

Tarikh: 27 AUG 2024

Reinforcing cybersecurity

New Act gives better protection against cyberattacks

By RAHIMY RAHIM and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Within six hours of discovering a cybersecurity incident, or even a potential threat, an authorised person under a newly-enforced law will have to make an initial report to the National Cyber Coordination and Command Centre System (NC4).

The six-hour rule applies to attacks on information in sectors deemed critical to the nation, including defence, finance, water, and healthcare services.

This new step follows the enforcement of the Cybersecurity Act 2024 (Act 854) that began yesterday.

Act 854 aims to enhance national cybersecurity, said the Prime Minister's Office (PMO) in a statement.

The six-hour rule comes under the Notification of Cybersecurity Incident Regulations. It mandates an authorised person from any National Critical Information Infrastructure (NCII) entity to immediately report via electronic means, any cybersecurity threats detected.

Within those critical six hours, the information furnished by the authorised person must include the nature of the incident and severity of the threat.

The authorised person for the NCII entity must also provide additional information within 14 days through the NC4 System – including number of hosts affected, techniques used in the attack, and its impact.

NCII refers to computers or systems whose disruption would harm essential services or the effective functioning of federal

or state governments.

The 11 NCII sectors are government; banking and finance; transportation; defence and national security; information, communication, and digital; healthcare services; water; sewerage and waste management; energy; agriculture and plantation; trade, industry, and economy; and science, technology, and innovation.

The PMO said, in accordance with subsection 1(2) of Act 854, the Prime Minister, in his capacity as the minister responsible for cybersecurity, has set yesterday as the effective date of the implementation of Act 854.

Act 854 received royal assent from the Yang di-Pertuan Agong on June 18, and was published in the federal gazette on June 26.

The Act was passed in the Dewan Rakyat in March.

The Prime Minister has also set Aug 26 as the effective date for regulations set under Act 854 as follows:

- > Risk Assessment and Audit Regulations;
- > Notification of Cybersecurity Incident Regulations;
- > Licensing of Cybersecurity Service Provider Regulations; and
- > Compounding of Offences Regulations.

The above regulations were published in the Federal Gazette on Aug 22, noted the PMO.

The PMO pointed out that Act 854 was enacted to enhance the nation's cybersecurity by providing for the setting-up of the National Cybersecurity Committee.

It also clearly spells out the duties and powers of the chief executive of the National Cyber Security Agency (Nacsa).

Act 854 also makes clear the

functions and duties of the heads of the NCII sectors and NCII entities.

Meanwhile, the Risk Assessment and Audit Regulations under Act 854 stipulate that an NCII entity must conduct a cybersecurity risk assessment at least once a year and carry out an audit at least once every two years; or at a higher frequency as may be directed by the chief executive in any specific cases.

The Licensing of Cybersecurity Service Provider Regulations will apply to individuals and companies that provide cybersecurity services related to Managed Security Operation Centre Monitoring Services and Penetration Testing Services.

The Compounding of Offences Regulations provide for the compounding of offences, namely subsections 20(6), 20(7), 22(7), 22(8), 24(4), and 32(3) in Act 854.

In countering cyberattacks, the Prime Minister is the head of a 13-member National Cybersecurity Committee.

The committee comprises the ministers in charge of the Finance, Foreign Affairs, Defence, Home Affairs, and Communications and Digital portfolios. It also comprises senior government officials such as the chief secretary to the government, the Armed Forces General, and Inspector-General of Police, among others.

Among the roles of the committee is to determine policies, approaches and strategies related to the country's cybersecurity; advise the government on policies and strategic measures to strengthen cybersecurity; instruct the chief executive and sector leads; and monitor the enforcement of the Act.

Reporting a cybersecurity incident

■ Should a cybersecurity incident occur, an alert will be issued to the government entity or person in charge

■ Chief executive orders for an officer to be given the authority to investigate the incident

■ If a cybersecurity incident takes place:

Action will be taken to remedy the situation and prevent future occurrence

Initial findings must be reported within six hours of the incident

Any additional information must be submitted within 14 days

Source: Cyber Security Act
The Star graphics

THE STAR

Tarikh: 27 AUG 2024



Ringgit meneruskan aliran menaik berikutan jangkaan penurunan kadar faedah di AS bulan depan.

PASARAN

Cecah paras tertinggi dalam tempoh 28 bulan

Ringgit meningkat kepada 4.3470/3505 berbanding dolar AS

KUALA LUMPUR

9/8/24

Ringgit meneruskan aliran menaik sebelum ditutup kukuh pada Isnin, meningkat 250 mata asas kepada paras tinggi baharu susulan jangkaan penurunan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) bulan depan.

Pada jam 6 petang, ringgit meningkat kepada 4.3470/3505 berbanding dolar AS daripada 4.3720/3775 ketika ditutup pada Jumaat lalu.

Sebelum itu pada pagi Isnin, mata wang tempatan mencecah hampir paras tertinggi dalam tempoh 28 bulan apabila naik kepada 4.3515/3700

berbanding dolar AS.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, dolar AS telah mengalami penyusutan nilai yang dipengaruhi oleh prospek kadar faedah lebih rendah di AS.

"Pada masa ini, pasangan AS\$/ringgit dilihat menuju ke paras sokongan serta-merta RM4.3000," katanya.

Pada penutupan dagangan, ringgit tinggi kebanyakannya berbanding beberapa mata wang utama.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengunjurkan ringgit boleh mengukuh kepada antara 4.20 hingga 4.25 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini, melonjak daripada 4.59 direkodkan pada penghujung 2023.

Namun, MIER berhati-hati dalam unjurannya kerana kekukuhan berterusan dolar AS mungkin mengekalkan purata kadar pertukaran ringgit sekitar 4.60 hingga 4.64, sedikit tinggi

berbanding purata 2023 pada 4.56.

Menurut MIER, ringgit boleh meraih manfaat lebih daripada sekadar dasar monetari AS.

"Faktor domestik seperti pembaharuan fiskal, bertujuan mengurangkan defisit belanjawan dan pertumbuhan kukuh KDNK yang dijangka dapat dicapai, jika tidak melebihi lima peratus pada 2024, juga masih boleh menyokong mata wang tempatan.

"Pelaburan langsung asing yang besar, penghantaran balik dana daripada syarikat berkaitan kerajaan dan kemampanan lebihan akaun semasa, didorong eksport kukuh elektronik, pelancongan serta perkhidmatan meneguhkan lagi prospek ringgit," katanya.

Tambahnya, jangkaan terhadap penurunan kadar Rizab Persekutuan AS (Fed) pada September semakin tinggi, didorong kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kemelesetan berikutan data pekerjaan pada Julai yang lemah. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh:2.7 AUG 2024.....

Kenaikan gaji penjawat awam anjakan besar tingkat kualiti perkhidmatan

Sinar
29/8

Kenaikan gaji penjawat awam mempunyai potensi untuk mempengaruhi kualiti perkhidmatan agensi berkenaan secara positif.



PADA 16 Ogos 2024, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam Malaysia yang mencatatkan peningkatan tertinggi dalam sejarah negara.

Pelarasan yang merangkumi kenaikan 15 peratus bagi kumpulan pelaksana, pengurusan dan profesional serta 7 peratus bagi pengurusan tertinggi dilihat sebagai langkah penting untuk meningkatkan semangat kerja dan motivasi dalam kalangan penjawat awam.

Peningkatan itu dijangka membawa kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kepada rakyat yang mana penjawat awam akan menikmati pelarasan gaji lebih baik, sekali gus meningkatkan jangkaan rakyat terhadap perkhidmatan awam yang cekap dan berkualiti tinggi.

Kenaikan gaji terbaharu itu mempunyai potensi untuk mempengaruhi

kualiti perkhidmatan penjawat awam secara positif, namun keberkesanannya bergantung kepada keupayaan untuk menangani isu asas dalam perkhidmatan awam.

Komitmen tersebut secara tidak langsung dapat menggalakkan sektor swasta untuk mempertimbangkan kenaikan gaji pekerja mereka.

Ia sejajar dengan saranan Perdana Menteri yang menggesa syarikat, terutamanya yang mencatatkan keuntungan tinggi untuk mengiktiraf, sekali gus memberi ganjaran kepada sumbangan tenaga kerja mereka.

*Dr Noor Aslinda Abu Seman dan Dr Arifha Mohamad ialah Pensyarah Kanan Johor Business School, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



SINAR HARIAN
Tarikh:27 AUG 2024..

Sin
23/8

Mencari makna merdeka



PSIKO LAGI!

MOHD AWANG IDRIS

Pada sekitar tahun 1980-an, setiap kali bulan merdeka tiba, biasanya kami anak-anak begitu girang menyanyikan lagu 31 Ogos nyanyian Sudirman. Tiadalah juga kesibukan memasang bendera Malaysia pada waktu itu.

Mungkin waktu itu radio ialah medium utama, maka apa yang terkeluar dari corong radio, itulah yang kita dengar. Kita tak banyak pilihan, tapi semangat mencintai negara waktu itu juga lain.

Hari ini, jika kita bertanya kepada anak-anak, ini tahun ke berapa kita merdeka, mungkin banyak yang tak dapat menjawabnya. Pembaca boleh bertanya sendiri kepada anak-anak di rumah.

Sepertinya semakin kita jauh dari tahun 1957, kita juga semakin melupakan roh merdeka. Generasi yang ada sekarang adalah generasi baharu. Mereka yang pernah hidup di zaman penjajahan mungkin ada beberapa kerat

sahaja lagi. Jadi naratif atau cerita sakitnya menjadi orang terjajah itu tak sampai ke hati generasi yang baharu.

Saya ialah generasi yang lahir di tahun 1970-an. Jarak antara tahun 1957 ke tahun 1970-an itu tak begitu jauh. Jadi hangatnya sentimental menjadi orang merdeka itu masih lagi menjadi bualan orang dewasa waktu itu.

Waktu itu, jika kita hidup susah sekalipun, kita tetap merasa kuat kerana emak dan ayah kita akan bercerita susah lagi hidup di zaman Jepun atau Inggeris. Bagi orang yang tinggal di bandar, atau anak pegawai kerajaan mungkin lain ceritanya.

Bagi kami yang hidup di kampung, dapat makan sepinggan nasi dengan telur rebus yang diletakkan sedikit garam pun sudah dianggap memadai. Kawan saya, selalu dipesan oleh ayahnya, makanlah untuk sekadar ada tenaga menarik kain selimut ketika tidur. Pesannya mudah, tapi falsafah hidupnya tinggi. Makanlah sekadar untuk hidup.

Tapi kini dunia berubah pantas. Kita sudah mencecah 67 tahun merdeka. Mereka yang lahir pada hari merdeka juga sedang menjadi warga emas. Anak-anak yang lahir kemudiannya tidak lagi mendengar lagu Sudirman di corong radio lagi, tetapi kini mereka sibuk de-

“

Mereka yang pernah hidup di zaman penjajahan mungkin ada beberapa kerat sahaja lagi. Jadi naratif atau cerita sakitnya menjadi orang terjajah itu tak sampai ke hati generasi yang baharu.”

ngan YouTube, Netflix, TikTok dan bermacam lagi. Mereka juga memilih hiburan sendiri, bukan lagi lagu yang ditentukan oleh juruhebah. Jadi, jika mereka tak mahu ambil tahu tentang semangat merdeka pun, tak siapa boleh memaksanya.

Dalam dunia ini, terdapat lebih 190 buah negara. Kecuali Palestin dan beberapa kawasan kecil yang masih dikuasai penjajah sejak zaman silam, hampir semua adalah negara merdeka. Cerita pengeboman di Gaza misalnya, belum tentu diambil iktibar oleh anak-anak kita di rumah. Mungkin bagi mereka ia hanya sekadar cerita fiksi seperti yang selalu mereka tonton di filem juga. Bagi ke-

banyakan kita yang dewasa, mungkin sedar kita ini sebuah negara merdeka. Pun begitu, kita tahu bahawa kita juga negara kecil yang masih bergantung dengan orang lain.

Puluhan tahun dulu, kita bercita-cita untuk membuat kereta sendiri. Kerana gagal bersaing, kini sebahagian besar sahamnya pula menjadi entiti asing.

Begitu jugalah dengan industri lain, kita tetap bergantung dengan orang luar. Di ladang, kita terpaksa mengimport orang asing untuk bekerja. Malah yang menjadi pengawal keselamatan kini juga sepertinya bukan orang kita.

Di kawasan perairan, selalu kedengaran ada kapal tentera asing yang berlegar-legar di sana. Kita memanglah negara merdeka, tetapi jika kita bukan negara yang kuat, kita tak merdeka sepenuhnya. Tak siapa menghormati kita.

Di dalam negara pula, hiruk-pikuk politik sepertinya tak pernah memberi isyarat bahawa kita sedang bersatu. Atau, kita semua sedang meraikan kemerdekaan dengan cara yang berbeza?

*Dr Mohd Awang Idris ialah pensyarah dan penyelidik dalam bidang psikologi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya serta Profesor Madya Adjung di PSC Global Observatory, Universiti Australia Selatan

SINAR HARIAN

27 AUG 2024

Tarikh:

Al-Quran jadi panduan hidup, mesej terkandung bentuk generasi cinta keamanan

Sinar 27/8

#QuranHour perlu disokong, mampu beri impak besar

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA SHAH ALAM

Program Malaysia #QuranHour perlu disokong, imarah dan dijadikan budaya dalam komuniti agar mereka dapat menghayati dan mengamalkan ilmu yang terkandung dalam al-Quran menerusi pembacaan kitab suci itu.

Pustakawan Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Asmah Sabtu berkata, al-Quran menjadi panduan hidup serta membawa mesej positif menyuruh umatnya melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

Menurutnya, mesej-mesej seperti itu wajar disebarluaskan kepada komuniti dalam usaha membentuk generasi yang cinta keamanan dan kedamaian.

"Malah ayat-ayat suci al-Quran mengandungi hikmah dan kebijaksanaan yang seharusnya dikaji dan dihayati sebaiknya."

"Oleh itu, saya lihat program Malaysia #QuranHour dapat beri impak besar kerana ia satu-satunya program yang mengajak umat Islam berpegang teguh terhadap al-Quran yang mengandungi wahyu-wahyu ALLAH SWT untuk dijadikan panduan hidup keseluruhan umat Islam," ujarnya kepada Sinar Harian.

Mengenai tema Malaysia #QuranHour iaitu 'Jiwa Merdeka: Memaknai Rukun Negara', beliau berkata, ia amat signifikan dalam membantu pembinaan jati diri masyarakat Malaysia.

"Tema itu menterjemahkan rakyat Malaysia berbilang kaum yang hidup bebas, aman damai, bersatu padu dalam membina negara maju dan progresif seiring prinsip-prinsip rukun negara."



“

Oleh itu, saya lihat program Malaysia #QuranHour dapat beri impak besar kerana ia satu-satunya program yang mengajak umat Islam berpegang teguh terhadap al-Quran yang mengandungi wahyu-wahyu ALLAH SWT untuk dijadikan panduan hidup keseluruhan umat Islam."

-Asmah

"Inilah yang menjadi asas dalam pembinaan jati diri masyarakat Malaysia sehingga dikagumi oleh negara-negara luar sejak dahulu hingga kini," katanya.

Beliau berkata, perpustakaan akan menganjurkan Bicara Ilmu: Tadabbur Surah Al-Jumu'ah pada 30 Ogos ini di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam.

"Program ini akan dibimbing

oleh Pegawai, Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Shah Alam dengan penyertaan staf UiTM," jelasnya.

Program Malaysia #QuranHour 2024 akan diadakan serentak di seluruh negara pada 30 Ogos ini di lokasi perdana, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya bermula jam 10 hingga 11 pagi.

Ia mengetengahkan bacaan surah al-Jumu'ah dan surah al-

Hujurat yang bertujuan memperkukuhkan perpaduan rakyat serta disiarkan secara langsung di seluruh negara.

Antara wakil media terlibat ialah Sinar Harian, Astro Oasis, TV9, Bernama, TV Alhijrah, Zayan, Astro Awani, Nu Ideaktiv, IKIM FM, Denaihati.com dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selaku penyiar utama Malaysia #QuranHour.

Satu jam satu Quran
...365 hari

UMMATAH KHLAS

Bangsa Berbudi & Penyayang

MALAYSIA #QuranHour
...satu kebangkitan

25 SAFAR 1446H / 30 OGOS 2024

MengQuran dan MengIKHLASkan Bangsa Ummah

**Jiwa Merdeka :
Memaknai Rukun Negara**
Berpanduan Surah Al-Jumu'ah,
Surah Al-Hujurat & Hadis

Lokasi Perdana :
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

30 OGOS 2024
JUMAAT, 25 SAFAR 1446H | 10.00 - 11.00 PAGI

Asmah Sabtu

Pembaca: USTAZ MOHAMMAD ZAFRI MOHAMMAD DAUD

Pembaca: TUAN FAZRI ISMAIL

Puan Tahlil: S.S. PROF. MADYA DATO' DR. MOHD SUKRI OTHMAN

Pembaca: DR. AHMAD SANUSI AZMI

Pembaca: USTAZ NOR AZAMIR ALIAS

Pembaca: FIKRY IBRAHIM

Qari: USTAZ TARMIZI ABDUL RAHMAN

Qari: USTAZ AHMAD TIRMIZI HAJI ALI

Qari: USTAZ HUSAINI MAHMUR

Qari: NAUFAL SYAKIRIN SHAIFULLAH

Hos RTM: NAZIRAH ABU BAKAR

Hos RTM: AMIN IDRIS

Hos: ZAIM ZAMRI

Jurubahasa Iyazati: MUHAMMAD ZAID ABDUL SAMAT

Sahut Ikrar: HARIS GOPINAT SUNDARAM

Sahut Ikrar: RIDZUAN ONG

SINAR HARIAN
Tarikh: ...2.7. AUG 2024...

Akta 854 tingkat keselamatan siber negara mula berkuat kuasa

Sinar 27/8

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menetapkan Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) mula berkuat kuasa pada Isnin setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 18 Jun lepas dan disiarkan dalam Warta pada 26 Jun.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan siber turut menetapkan 26 Ogos sebagai tarikh kuat kuasa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 854.

Peraturan-peraturan tersebut adalah Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) 2024; dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024;

Turut berkuat kuasa Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan

Keselamatan Siber) 2024 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024.

"Peraturan-Peraturan di atas telah disiarkan dalam Warta pada 22 Ogos 2024," menurut kenyataan itu.

Akta 854 digubal bagi meningkatkan keselamatan siber negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN); kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA); fungsi dan kewajipan ketua sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII), serta entiti NCII itu sendiri.

Selain itu ia turut digubal untuk mengurus ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap NCII; mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Menurut kenyataan itu, di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan

Siber dan Audit) 2024, suatu entiti NCII yang memiliki atau mengendalikan suatu NCII, hendaklah membuat penilaian risiko keselamatan siber sekurang-kurangnya sekali setahun.

Entiti berkenaan juga perlu menjalankan audit sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun atau pada kekerapan yang lebih tinggi sebagaimana yang boleh diarahkan oleh ketua eksekutif dalam mana-mana hal tertentu.

Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024 pula menetapkan supaya orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII hendaklah memberitahu dengan segera melalui cara elektronik mengenai suatu insiden keselamatan siber yang telah berlaku, atau mungkin telah berlaku.

Kemudian orang yang diberi kuasa hendaklah mengemukakan butiran awal dalam masa enam jam daripada insiden keselamatan siber itu diketahui oleh entiti NCII melalui Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (NC4 System).

Selanjutnya orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII itu perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari melalui NC4 Sistem. Butiran awal dan maklumat tambahan yang perlu dikemukakan adalah seperti terkandung dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber).

Sementara itu, Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber) 2024 adalah terpakai bagi individu dan syarikat yang memberi perkhidmatan keselamatan siber berhubungan dengan perkhidmatan pemantauan pusat operasi keselamatan terurus dan perkhidmatan pengujian penembusan (*Penetration Testing Service*).

Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024 pula memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun melibatkan subseksyen 20(6), 20(7), 22(7), 22(8), 24(4) dan 32(3). - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:27 AUG 2024

Tiada bukti kukuh KL tak selamat

Kuala Lumpur: Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, tidak ada bukti kukuh yang boleh menyokong dakwaan bandar raya ini tidak selamat untuk diduduki seperti laporan yang ditularkan media sosial.

Maimunah berkata, Kuala Lumpur sudah lama dibangunkan dan dakwaan ia tidak selamat pembangunan perlu disertakan dengan bukti dan kajian kukuh.

"Saya berpendapat Kuala Lumpur sudah lama dibina dan selama ini ia selamat. Oleh itu kalau nak katakan tak selamat mesti ada bukti kukuh dan kajian terperinci."

"Berikutan itu kami wujudkan pasukan petugas termasuk Jabatan Geologi dan Jabatan Kerja Raya untuk melihat serta kaji keadaan ini namun kalau dilihat daripada keadaan semasa Kuala Lumpur masih selamat kecuali ada bukti kajian," katanya dalam sidang media di Jalan Masjid India di sini kelmarin.

Hadir sama Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur Rozihan Anwar

Mamat, Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Sulizmie Affendy dan Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium (IWK) Narendran Maniam.

Beliau berkata, pasukan itu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) diaktifkan.

Maimunah berkata, hasil mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi berkaitan, beliau memberi jaminan situasi sekitar Jalan Masjid India dan Kuala Lum-

"Saya berpendapat Kuala Lumpur sudah lama dibina dan selama ini ia selamat. Oleh itu kalau nak katakan tidak selamat mesti ada bukti kukuh dan kajian terperinci"

Datuk Bandar KL, Dr Maimunah Mohd Sharif

pur amnya terkawal serta selamat dikunjungi.

Sebelum ini tular di Facebook hantaran dimuat naik seorang aktivis alam sekitar pada 2015 yang mendakwa tempat paling tidak selamat di Malaysia adalah Kuala Lumpur dan berpotensi berlaku *giant sinkhole* pada bila-bila masa.

Hantaran itu antara lain menyebut 40 hingga 60 peratus dasar Kuala Lumpur adalah batu kapur dan pembangunan tanpa henti dengan sistem saliran tidak tersusun boleh menyebabkan kejadian itu lebih cepat berlaku.



HARIAN METRO
Tarikh:2..7...AUG...2024

Alih segera Jalur Gemilang jika ^{hm} 27/8 jatuh di jalan raya

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan mengalihkan Jalur Gemilang sekiranya bendera itu diletakkan di tempat tidak bersesuaian termasuk terjatuh di jalan raya.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata, sekiranya mana-mana pihak melihat bendera itu diletakkan di jalan raya, mereka wajar mengalihkannya jika keadaan selamat.

"Sebagai rakyat Malaysia, sekiranya kita lihat perkara itu berlaku (Jalur Gemilang jatuh di atas jalan raya), jika boleh dan keadaannya selamat, kita wajar mengalihkannya.

"Sebagai contoh, semalam (kelmarin) saya di Taman Botani di Lembah Pantai. Saya lihat di satu sudut ada ditinggalkan sekelompok Jalur Gemilang

dan saya pun meletakkan-nya di tempat lebih sesuai kerana ia ditinggalkan di atas lantai.

"Peringatan saya, kita bukan hanya berbangga sebagai rakyat Malaysia mempunyai simbol negara seperti Jalur Gemilang, tetapi kita juga wajar melakukan tindakan kecil untuk menjaga kehormatan Jalur Gemilang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Pentarama dan Kelab Malaysiaku sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai di sini, semalam.

Fahmi terdahulu ditanya lambang kedaulatan negara 'dilanyak' atas jalan raya apabila banyak yang diletakkan pada kenderaan tercabut atau terjatuh.



FAHMI bersama guru dan pelajar selepas merasmikan Program Pentarama Kelab Malaysiaku sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 di SMK Seri Pantai, Bangsar Selatan.
- Gambar NSTP/AIMAN HARIZ AZHAR

HARIAN METRO

Tarikh: 27 AUG 2024

Mohd Zuki dilantik Pengerusi KWSP Hm 27/8

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melantik Tan Sri Mohd Zuki Ali sebagai pengerusi baharunya, berkuat kuasa 1 September 2024.

Mohd Zuki, sebelum ini Ketua Setiausaha Negara ke-15, akan mengambil alih daripada Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, yang memegang jawatan itu sejak 1 Mei 2020, menurut KWSP dalam satu kenyataan, semalam.

» INFO

Mohd Zuki mengambil alih jawatan daripada Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, yang memegang jawatan itu sejak 1 Mei 2020.



"Lembaga Pengarah KWSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahmad Badri atas kepimpinan cemerlang dan sumbangan besar beliau.

"Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah ingin mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Mohd Zuki, yang berpengalaman luas dalam sektor kerajaan dan hala tuju strategik beliau akan terus memacu KWSP kepada tahap yang lebih tinggi," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ...**27 AUG 2024**...

Mohd. Zuki dilantik ^{Kosmo 27/8} Pengerusi KWSP baharu⁺

PETALING JAYA – Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan pelantikan Tan Sri Mohd. Zuki Ali sebagai Pengerusi KWSP yang baharu, berkuat kuasa 1 September depan.

KWSP dalam kenyataannya berkata, Mohd. Zuki yang juga merupakan mantan Ketua Setiausaha Negara ke-15, akan menggantikan Tan Sri Ahmad Badri Mohd. Zahir.

Untuk rekod, Ahmad Badri telah memegang jawatan Pengerusi KWSP sejak 1 Mei 2020.

KWSP mengucapkan penghargaan kepada Ahmad Badri di atas kepimpinan dan sumbangan besar beliau yang telah meletakkan KWSP pada tahap kecemerlangan yang berterusan.

"Pada masa sama, Lembaga KWSP mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Mohd. Zuki, yang berpengalaman luas dalam sektor kerajaan dan mempunyai hala tuju strategik untuk terus memacu KWSP ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Tambah KWSP, pihaknya akan terus memainkan peranan penting dalam menjamin kesejahteraan kewangan dan simpanan persaraan ahli khususnya dalam membantu membina masa depan yang lebih baik.

Mohd. Zuki dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara pada



MOHD. ZUKI

“

Pada masa yang sama, Lembaga KWSP mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Mohd. Zuki, yang berpengalaman luas dalam sektor kerajaan dan mempunyai hala tuju strategik untuk terus memacu KWSP ke tahap yang lebih tinggi.”

31 Disember 2019, dan dilantik semula dengan kontrak dua tahun dari 11 Ogos 2022 hingga 10 Ogos 2024.

Beliau bersara pada 9 Ogos selepas tiga dekad dalam perkhidmatan awam.

KOSMO

27 AUG 2024

Tarikh:

Kosmo 29/8

Jaga kehormatan Jalur Gemilang – Fahmi

KUALA LUMPUR – Rakyat Malaysia dinasihatkan untuk mengambil sikap bertanggungjawab demi menjaga kehormatan Jalur Gemilang.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, masyarakat juga wajar untuk mengalihkan atau menaikkan semula Jalur Gemilang sekiranya diletakkan di tempat yang tidak bersesuaian.

"Semalam saya di Taman Botani dan di dalam kawasan Lembah Pantai juga saya lihat ada ditinggalkan sekelompok Jalur Gemilang dan saya pun cuba untuk meletakkannya di tempat yang lebih sesuai kerana ditinggalkan di atas lantai.

"Kita wajar melakukan tindakan kecil untuk menjaga kehormatan Jalur Gemilang. Maksudnya, kalau kita nampak (Jalur Gemilang) di tempat yang tak sesuai, cuba untuk alihkan dan perbetulkan.

"Ini nasihat dan pandangan saya," katanya ketika ditemui



FAHMI (tengah) bersama pelajar mengibarkan Jalur Gemilang pada Program Pentarama dan Kelab Malaysiaku sempena sambutan Bulan Kebangsaan di SMK Seri Pantai, Kuala Lumpur semalam.

pada Program Pentarama dan Kelab Malaysiaku sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 di

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai, di sini semalam. Beliau berkata demikian bagi

mengulas dakwaan terdapat sejumlah Jalur Gemilang berada di atas jalan raya ekoran terjatuh daripada kenderaan.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim untuk menyembah maklum persiapan sambutan Hari Kebangsaan hari ini.

"Kita juga telah memberi maklumat mengenai susun atur, laluan yang boleh digunakan termasuk pengangkutan awam yang disediakan seperti teksi air secara percuma yang beroperasi di sekitar Tasik Putrajaya.

"Ia bagi membolehkan orang ramai untuk meletakkan kenderaan mereka di lokasi berkenaan yang menyediakan lebih 7,000 parkir," ujarnya.

Sehubungan itu, Fahmi berkata, orang ramai diharapkan merancang perjalanan mereka untuk menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan yang akan berlangsung pada 31 Ogos ini.

KOSMO

Tarikh: **27 AUG 2024**

Mohd Zuki dilantik pengerusi baharu KWSP

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan pelantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali sebagai Pengerusi yang baharu, berkuat kuasa 1 September 2024.

Mohd Zuki, bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke-15, akan menggantikan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang telah memegang jawatan Pengerusi KWSP sejak 1 Mei 2020.

"Lembaga KWSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Ahmad Badri di atas kepimpinan dan sumbangan besar beliau yang telah meletakkan KWSP pada tahap kecermerlangan yang berterusan.

"Pada masa yang sama, Lembaga KWSP mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Mohd Zuki, yang berpengalaman luas dalam sektor kerajaan dan mempunyai hala tuju strategik untuk terus memacu KWSP ke tahap yang lebih tinggi," kata pengurus dana persaraan pekerja swasta itu dalam satu kenyataan, semalam.

KWSP berkata, ia akan terus memainkan peranan penting dalam menjamin kesejahteraan kewangan dan

simpanan persaraan ahli khususnya dalam membantu membina masa depan yang lebih baik.

KWSP merekodkan jumlah pendapatan boleh agih sebanyak RM36.7 bilion bagi enam bulan berakhir 30 Jun 2024, peningkatan 29 peratus daripada RM28.4 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Setakat 30 Jun 2024, aset pelaburan KWSP berjumlah RM1.211 trilion, di mana 38 peratus dilaburkan dalam pelaburan luar negara.

Pada separuh pertama 2024, KWSP menyaksikan 235,032 pendaftaran ahli baharu, menjadikan jumlah keahlian kepada 16 juta.

Sejumlah 8.6 juta adalah ahli aktif, yang kini mewakili 50 peratus daripada 17.15 juta tenaga buruh Malaysia.

Pendaftaran majikan baharu yang direkodkan dalam tempoh itu ialah 37,284, menjadikan jumlah majikan aktif berdaftar dengan KWSP kepada 610,357.

Jumlah caruman yang diterima meningkat daripada RM50.48 bilion pada separuh pertama 2023 kepada RM57.35 bilion pada separuh pertama 2024.



Mohd Zuki Ali

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.7. AUG 2024.....



Pengukuhan ringgit dijangka berterusan

Nilai mampu cecah RM4.20 menjelang akhir tahun didorong faktor penurunan kadar faedah AS

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ketika ini dijangka berterusan dengan berpotensi mencecah RM4.20 / satu dolar menjelang akhir tahun ini, demikian menurut penganalisis.

Jangkaan yang semakin meningkat penurunan kadar faedah AS pada September serta faktor domestik yang positif akan menyokong nilai ringgit yang kini berlegar di paras RM4.34 satu dolar.

Ringgit semalam memulakan dagangan lebih kukuh pada RM4.35 berbanding dolar AS, men-

cecah paras tertinggi hampir 28 bulan.

Paras penutupan tertinggi ringgit sebelum ini ialah 4.3520/3570, dicatatkan pada 29 April 2022.

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menjangkakan, ringgit akan mendapat manfaat bukan sahaja perubahan dalam dasar monetari AS, tetapi juga faktor positif domestik seperti reformasi fiskal yang bertujuan untuk mengurangkan defisit bajet dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kukuh dijangka mencapai 5.0 peratus pada 2024, boleh menyokong mata wang tempatan.

Badan pemikir itu berkata, pelaburan langsung asing yang kukuh, penghantaran pulang dana daripada syarikat berkalat kerajaan dan lebih acauan semasa yang mampan didorong eksport yang kukuh dalam elektronik, pelancongan dan perkhidmatan, seterusnya mengukuhkan prospek ringgit.

Katanya, pelaburan asing ke dalam pasaran ekuiti dan bon Malaysia juga adalah satu lagi faktor positif untuk mata wang tempatan.

Katanya, selepas mengalami aliran keluar sebanyak RM823.6 juta pada awal tahun, pasaran ekuiti menyaksikan aliran masuk RM1.3 bilion pada Julai, sementara pada separuh masa pertama 2024, aliran masuk asing ke dalam pasaran bon mencecah RM874.6 juta.

"Walaupun ringgit Malaysia kini dinilai rendah, penunjuk seperti Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) dan Kadar Pertukaran Efektif Benar (REER) mencadangkan bahawa nilai sak-sama ringgit terletak antara RM3.90 dan RM4.20 berbanding dolar AS.

"Menjelang akhir 2024, ringgit boleh meningkat kepada RM4.20 hingga RM4.25 berbanding RM4.59 pada akhir 2023," katanya dalam ulasan ekonomi bulanan bagi Julai 2024.

Kebimbangan kemelesetan

Jangkaan untuk pengurangan kadar Rizab Persekutuan (Fed) AS pada September semakin meningkat berikutan meningkatnya kebimbangan kemelesetan selepas data pekerjaan yang mengecewakan pada Julai.

Malah, kadar pengangguran

di AS meningkat untuk bulan keempat berturut-turut, mencapai 4.3 peratus, tertinggi sejak September 2021, meningkat daripada paras terendah 50 tahun sebanyak 3.4 peratus pada April 2023.

Gaji bukan ladang AS meningkat hanya 114,000 pekerjaan pada Julai, jauh di bawah purata 215,000 pekerjaan sebulan sepanjang tahun lalu.

Purata minggu kerja juga menurun sedikit kepada 34.2 jam pada Julai berbanding 34.3 jam pada Jun.

Kenyataan Pengerusi Fed AS, Jerome Powell dalam ucapannya pada persidangan Jackson Hole pada Jumaat lalu, memberi isyarat bahawa kemungkinan pengurangan kadar faedah AS.

Beliau berkata, masa sudah tiba untuk membuat pelarasan dasar dan arah perjalanan adalah jelas, sementara masa serta kadar pengurangan kadar akan bergantung kepada kemasukan data, tinjauan yang berubah dan keseimbangan risiko.

AmBank Group dalam nota penyelidikannya berkata, berdasarkan kenyataan Powell yang memberi petunjuk kepada pengurangan kadar faedah AS dan

andaian dolar AS kekal lemah dalam minggu berikutnya, pihaknya menjangkakan sokongan ringgit yang mampan.

Bagi tinjauan pergerakan ringgit berbanding dolar AS minggu ini, ia menjangkakan, paras sokongan ringgit berbanding dolar AS pada RM4.312 dan RM4.333 dan paras rintangan pada RM4.450 dan RM4.467.

Sementara itu, BIMB Securities dalam satu nota penyelidikan berkata pasaran memberikan reaksi kukuh selepas kenyataan Powell yang menegaskan bahawa masanya sudah tiba untuk dasar diselaraskan, dengan sentimen risiko pelabur bertambah manakala dolar AS terus merudum.

"Dalam minggu akan datang, kami percaya ringgit akan dinia-gakan berhati-hati menjelang penerbitan anggaran kedua pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS dan indeks harga Perbelanjaan Pengguna Peribadi (PCE) teras," katanya.

Sementara itu, pasaran saham tempatan juga meneruskan rentak kenaikannya semalam apabila ditutup 3.22 mata atau 0.2 peratus lebih tinggi kepada 1,638.96.

Tanah jerlus di Jalan Masjid India

Hampir 40 peratus dasar bawah tanah KL berisiko bencana geologi

BH 27/8

Kawasan berlapis batu kapur perlu pembangunan lebih sistematik

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hampir 40 peratus dasar bawah tanah di ibu negara dilitupi batu kapur, sekaligus terdedah risiko bencana geologi seperti lubang benam jika pihak berkuasa gagal bertindak segera.

Formasi kawasan batu kapur kebanyakan terletak di sebelah utara Kuala Lumpur (KL).

Presiden Persatuan Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Batuan Malaysia (SEGRM), Dr Goh Thian Lai, berkata kebanyakan

kejadian lubang benam yang berlaku di sekitar ibu kota berpunca daripada kegiatan manusia seperti paip pecah dan aktiviti penerowongan selain faktor semula jadi.

Sehubungan itu, pakar geobencana dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu menyarankan pihak berkuasa khususnya kerajaan mengambil pendekatan merancang pembangunan di kawasan berisiko dengan lebih bersistematik pada masa akan datang.

Beliau berharap pihak berkuasa memberi lebih perhatian terhadap keadaan bawah tanah, antaranya dengan menjalankan pemetaan bawah permukaan yang meluas.

"Jurutera dan ahli geologi profesional perlu dilibatkan sama untuk sebarang projek pembinaan dan perlu juga untuk menjalankan pemetaan bawah permukaan yang lebih komprehensif.

"Untuk pembangunan di kawasan yang berlapis batu kapur, siasatan menyeluruh perlu dijalankan ke atas tanah berkenaan untuk mengenal pasti rongga dan retakan.

"Selain itu, kerja identifikasi di tapak dan penggunaan kaedah geofizik perlu juga dilakukan untuk mengesan potensi lubang benam.

"Setelah dikenal pasti, langkah kejuruteraan akan diambil untuk mencegah berlaku lubang benam, contohnya dengan menyuntik epoksi, konkrit atau bahan *grouting* (turapan) ke dalam rongga," katanya kepada BH, semalam.

Kejadian bukan kali pertama

Menurut Thian Lai, pernah berlaku beberapa kejadian lubang benam di ibu negara akibat aktiviti penerowongan dan paip pecah.

Katanya, ia bukan kejadian ba-



Lokasi kejadian tanah jerlus membabitkan seorang wanita warga India di Jalan Masjid India, Jumaat lalu.
(Foto Aziah Azmee/BH)

haru, sebaliknya lubang benam berlaku sejak sekian lama.

Antara kawasan yang pernah berlaku lubang benam akibat faktor manusia ialah Jalan Pudu-

Hang Tuah iaitu sekitar kawasan Imbi pada 2014, Jalan DBP (2019), Taman U-Thant (2020), Sri Hartamas (2021) dan AU3 Ampang (2022).

BERITA HARIAN
Tarikh... 27 AUG 2024

Akta Keselamatan Siber 2024 sudah dikuatkuasakan

BH
27/8

Inisiatif tangkis serangan, tingkat pematuhan atasi risiko ancaman

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) yang bertujuan meningkatkan tahap keselamatan siber di Malaysia mula dikuatkuasakan semalam.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) memaklumkan, tarikh warta akta itu ditetapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan siber, selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 18 Jun lalu dan disiarkan dalam Warta pada 26 Jun.

PMO berkata, Akta 854 digubal bagi meningkatkan keselamatan siber negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN), kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), fungsi dan ke-

wajipan ketua sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) serta entiti NCII.

Selain itu, pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap NCII, mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

PMO berkata, Perdana Menteri turut menetapkan peraturan yang dibuat di bawah Akta 854 berkuat kuasa semalam.

Buat penilaian risiko

Ia membabitkan Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) 2024, Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024, Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber) 2024 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024, yang disiarkan dalam Warta pada 22 Ogos lalu.

Katanya, Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) menetapkan tempoh bagi suatu entiti NCII yang memiliki atau mengenda-

likan suatu NCII perlu membuat penilaian risiko keselamatan siber sekurang-kurangnya sekali setahun dan menjalankan audit sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun atau pada kekecualan yang lebih tinggi sebagaimana yang boleh diarahkan Ketua Eksekutif dalam mana-mana hal tertentu.

"Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024 menetapkan supaya orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII perlu memberitahu dengan segera melalui cara elektronik mengenai suatu insiden keselamatan siber yang sudah atau mungkin sudah berlaku. Kemudian, orang yang diberi kuasa perlu mengemukakan butiran awal dalam masa enam jam daripada insiden keselamatan siber itu diketahui oleh entiti NCII melalui Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (NC4).

"Selanjutnya, orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII itu perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari melalui Sistem NC4," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, PMO berkata, Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber)

2024 adalah terpakai bagi individu dan syarikat yang memberi perkhidmatan keselamatan siber yang berhubungan dengan perkhidmatan pemantauan pusat operasi keselamatan terurus serta perkhidmatan pengujian penembusan.

Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024 pula memperuntukkan berhubung kesalahan yang boleh dikompaun, membatik subseksyen 20(6), 20(7), 22(7), 22(8), 24(4) dan 32(3) Akta 854.

Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber 2024 diluluskan di Dewan Negara pada 3 April lalu, selepas mendapat kelulusan di Dewan Rakyat pada 27 Mac.

Menteri Komunikasi, Gobind Singh Deo, berkata ia bertujuan meningkatkan keselamatan siber negara menerusi pematuhan terhadap langkah, standard dan proses tertentu dalam pengurusan ancaman keselamatan siber.

Akta 854 sangat penting kerana CNII merangkumi sektor kerajaan, perbankan dan kewangan, pengangkutan, pertahanan dan keselamatan negara serta maklumat, komunikasi dan digital yang lazimnya menjadi sasaran serangan siber bagi melumpuhkan kerajaan.

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.7.AUG.2024

Ringgit dijangka capai RM4.0 akhir tahun ini

Utusan
27/8

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Ringgit dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan dan berpotensi mencapai sehingga RM4.0 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang akhir tahun ini, kata penganalisis.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata, jangkaan bahawa Rizab Persekutuan (Fed) AS bakal menurunkan kadar faedah seawal September ini dapat dilihat apabila nilai mata wang dolar AS mulai menurun.

Katanya, ini ditunjukkan oleh index dolar AS (DXY) yang mengukur kekuatannya telah menurun 3.46 peratus dari lebih 104.5 mata dalam masa satu bulan kepada 100.7 mata pada masa ini.

"Berikutan kelemahan dollar AS maka nilai ringgit seiring dgn mata wang dunia yang lain turut mengukuh berbanding dengan dollar AS."

"Bagi September 2024, ringgit diunjurkan hampir kembali kepada aras RM4.20 ke RM4.30 berbanding dolar AS iaitu paras pada 16 Mac 2022 sewaktu Fed memulakan kenaikan kadar faedah dari 0 peratus kepada kadar semasa."

"Selain dari faktor luar, ringgit juga akan terus mengukuh mungkin mencapai RM4.0 ke RM4.10



PRESTASI ringgit semakin mengukuh selepas jangkaan Fed Amerika Syarikat menurunkan kadar faedah September ini. - GAMBAR HIASAN

Berikutan kelemahan dollar AS maka nilai ringgit seiring dgn mata wang dunia yang lain turut mengukuh berbanding dengan dollar AS."

pada akhir tahun 2024, berikutan pelbagai faktor positif dalam ekonomi negara," katanya kepada

Utusan Malaysia.

Pada Isnin, ringgit dibuka lebih kukuh pada 4.35 berbanding dolar AS, mencecah paras tertinggi hampir 28 bulan.

Aimi Zulhazmi berkata, pembentangan Belanjawan 2025 pada Oktober nanti bakal memberikan lebih dorongan kepada ekonomi domestik, seperti reformasi fiskal yang bertujuan mengurangkan defisit belanjawan dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jelasnya, ini bakal menyokong mata wang ringgit untuk terus mengukuh.

Dalam pada itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran

Perniagaan (MBA), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, jika kadar faedah AS turun pada bulan September, ringgit akan lebih mengukuh menghampiri RM4.30.

"Masih terlalu awal untuk meramalkan pengukuhan ringgit bawah RM4 pada akhir tahun ini tetapi bulan September bakal memberi gambaran awal prestasi ringgit akhir tahun ini," ujarnya.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dalam ulasan ekonomi bulanan bagi Julai 2024 menjangkakan ringgit akan mendapat manfaat bukan sahaja daripada perubahan dalam dasar monetari AS, tetapi juga faktor positif domestik.

Katanya, ini seperti reformasi fiskal yang bertujuan untuk mengurangkan defisit bajet dan pertumbuhan KDNK yang kukuh dijangka mencapai 5.0 peratus pada 2024, boleh menyokong mata wang tempatan.

Tambahnya, turut menyokong adalah pelaburan langsung asing yang kukuh, penghantaran pulang dana daripada syarikat berkaitan kerajaan dan lebih akaun semasa yang mampan didorong eksport yang kukuh dalam elektronik, pelancongan dan perkhidmatan, seterusnya mengukuhkan prospek ringgit.

"Menjelang akhir 2024, ringgit boleh meningkat kepada RM4.20 hingga RM4.25," tambahnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.7.AUG..2024

Biar penuh integriti urus keluarga dalam waktu kerja

Utusan
27/8



GUNAKAN masa dengan bijak dan penuh integriti sekiranya perlu menguruskan hal keluarga pada waktu kerja. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Namun, ini tidak bermakna tindakan sedemikian harus dibiarkan tanpa pengawasan atau kawalan. Setiap penjawat awam perlu memahami bahawa sebarang masa yang digunakan untuk urusan peribadi haruslah digantikan dengan masa tambahan di tempat kerja atau dengan membuat permohonan cuti yang sewajarnya.

KEPENTINGAN PROSEDUR DAN PEMANTAUAN

Sistem pentadbiran awam mempunyai prosedur dan peraturan yang jelas mengenai penggunaan masa kerja untuk urusan peribadi. Sebagai contoh, penjawat awam yang benar-benar memerlukan masa untuk menguruskan urusan keluarga boleh memohon kebenaran bertulis daripada ketua jabatan. Ini penting untuk memastikan bahawa penggunaan masa tersebut adalah sah dan tidak menjejaskan operasi harian jabatan.

Pemantauan yang berkesan juga memainkan peranan penting dalam memastikan integriti dalam pengurusan masa dipatuhi. Bahagian sumber manusia, ketua jabatan dan pegawai pengurusan perlu sentiasa peka terhadap pergerakan kakitangan dan memastikan

mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Penggunaan sistem perakam waktu, contohnya, dapat membantu dalam mengesan dan merekod masa keluar masuk kakitangan, sekali gus mengelakkan penyalahgunaan masa kerja.

Namun, pelaksanaan pemantauan ini perlu dilakukan dengan adil dan saksama. Terdapat pandangan bahawa hanya kakitangan sokongan sahaja yang sering menjadi mangsa pengawasan ketat, sementara pegawai atasan cenderung terlepas daripada pengawasan sedemikian. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan kakitangan bawahan dan menjejaskan moral kerja. Oleh itu, penting untuk memastikan semua penjawat awam, tanpa mengira pangkat atau kedudukan, tertakluk kepada peraturan yang sama dan dipantau dengan adil.

MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN KEMANUSIAAN

Dalam isu ini, penting untuk mengambil kira aspek kemanusiaan dalam membuat keputusan dan melaksanakan peraturan. Penjawat awam juga adalah manusia yang mempunyai keluarga dan tanggungjawab peribadi yang perlu dipenuhi. Oleh itu, sikap

toleransi dan fleksibiliti dalam menangani isu ini adalah penting. Sebagai contoh, dalam situasi penjawat awam perlu menguruskan urusan keluarga pada waktu bekerja, ketua jabatan boleh mempertimbangkan untuk membenarkan kakitangan tersebut menggantikan masa yang diambil dengan masa kerja tambahan atau membuat permohonan cuti.

Namun, toleransi ini tidak boleh disalahgunakan. Setiap penjawat awam perlu menunjukkan komitmen dan integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas. Mereka perlu sedar setiap tindakan mereka diperhatikan dan memberi kesan kepada persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Sebarang penyalahgunaan masa kerja untuk urusan peribadi boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam dan memberi tanggapan negatif terhadap keupayaan kerajaan untuk berfungsi dengan cekap dan berkesan.

KESEDARAN DAN PENDIDIKAN INTEGRITI

Untuk mengatasi isu ini, pendidikan dan kesedaran tentang integriti dan amanah perlu dipertingkatkan. Kursus-kursus latihan yang berkaitan dengan etika

kerja, pengurusan masa dan tanggungjawab profesional perlu diadakan secara berkala. Kursus-kursus ini bukan sahaja perlu menekankan aspek profesionalisme, tetapi juga nilai-nilai Islamik dan kemanusiaan yang menekankan keadilan, tanggungjawab mahupun amanah.

Dengan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya integriti, diharapkan penjawat awam akan lebih berhati-hati dalam menguruskan masa mereka dan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Mereka perlu memahami setiap tindakan mereka memberi kesan kepada persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan awam. Oleh itu, mereka perlu sentiasa berusaha untuk mengekalkan imej yang positif dan berintegriti.

Penjawat awam memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelancaran operasi kerajaan dan menjaga kepentingan awam. Namun, dalam menjalankan tugas, penjawat awam juga mempunyai tanggungjawab peribadi dan keluarga yang perlu diuruskan. Oleh itu, adalah penting bagi penjawat awam untuk menguruskan masa mereka dengan bijak dan penuh integriti.

Setiap tindakan yang diambil perlu berlandaskan kepada peraturan yang ditetapkan dan perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Ketua jabatan perlu memastikan semua kakitangan mematuhi peraturan ini dan memberikan contoh yang baik kepada kakitangan bawahan. Pada masa yang sama, sistem pemantauan yang adil dan saksama perlu dilaksanakan untuk memastikan tiada penyalahgunaan masa kerja berlaku.

Akhir sekali, kesedaran tentang pentingnya integriti perlu dipertingkatkan melalui kursus-kursus latihan yang berkaitan. Dengan cara ini, diharapkan penjawat awam akan lebih bertanggungjawab dalam menguruskan masa dan mengekalkan imej perkhidmatan awam yang positif di mata masyarakat.

PENULIS ialah Presiden Pemarahi Rasuah Malaysia (MCW).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.7 AUG 2024

KKM kesan 31 kes disyaki Mpox, 25 disah negatif - Dr. Zulkefly

utusan
27/8

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan sebanyak 31 kes disyaki cacar monyet atau Mpox sehingga kelmarin, dengan 25 kes disahkan negatif, manakala enam lagi masih dalam pemantauan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, bagaimanapun sehingga kini tiada kes baharu membabitkan Mpox dilaporkan.

"Kes Mpox kekal sembilan kes, dari Disember 2023 hingga sekarang, tiada kes baharu (dilaporkan)," katanya.

Dzulkefly berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KPJ Healthcare dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sempena Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends

2024 di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, Persidangan Kesihatan MIH Megatrends 2024 yang akan berlangsung 25 Oktober ini dijangka menjadi asas penting bagi mengukuhkan kerjasama awam-swasta (public-private partnership) sebagai daya penggerak utama dalam landskap persidangan perubatan.

Menurutnya, kerjasama awam-swasta berfungsi sebagai alat penting untuk memanfaatkan kekuatan dan kapasiti kedua-dua sektor, terutamanya dari segi sumber dan kepakaran yang membantu memberikan penyelesaian penjagaan kesihatan optimum, mampan dan holistik bagi memenuhi keperluan populasi yang lebih besar.

"Tahap peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan kanser,

yang juga dikenali sebagai wabak NCD, merupakan faktor utama yang secara kumulatifnya menyumbang kepada beban penyakit yang membimbangkan serta memberi kesan kepada sistem penjagaan kesihatan Malaysia.

"Strategi untuk menangani cabaran ini termasuklah memperbaiki perkhidmatan penjagaan utama dan memberi prioriti kepada inovasi berasaskan data, satu pendekatan yang sedang giat diusahakan oleh KKM melalui agenda pendigitalannya.

"Melangkah ke hadapan, kami percaya MIH Megatrends 2024 akan membuka jalan untuk pemeteraian kerjasama menuju kesihatan yang lebih baik untuk semua, terutamanya melalui pendekatan inovatif dan terancang dalam menangani cabaran kesihatan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:27 AUG 2024...

Akta Keselamatan Siber dikuat kuasa

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menguatkuasakan Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] bermula semalam dalam usaha meningkatkan lagi tahap keselamatan siber negara.

Akta 854 digubal dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN), kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) serta fungsi dan kewajipan ketua sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) serta entiti NCII.

Ini termasuk pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap NCII, mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.7.AUG.2024

Akta Keselamatan Siber dikuat kuasa

Utusan
27/8

Dari muka 1

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menetapkan tarikh kuat kuasa akta itu selaras dengan subseksyen 1(2) selaku menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan siber selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 18 Jun lalu.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, serentak itu, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta itu turut dikuatkuasakan antaranya keperluan melaporkan insiden siber dalam masa enam jam daripada insiden keselamatan siber itu diketahui oleh entiti NCII.

Pelaporan itu perlu dibuat melalui Sistem Pusat Penyelidikan dan Kawalan Siber Negara (Sistem NC4) sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024

[P.U.(A) 220/2024].

Mana-mana entiti NCII yang melanggar seksyen ini dan disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

"Peraturan ini menetapkan supaya orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII hendaklah memberitahu dengan segera melalui cara elektronik mengenai suatu insiden keselamatan siber yang telah atau mungkin berlaku.

"Orang yang diberi kuasa bagi entiti NCII tersebut perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari melalui Sistem NC4," katanya semalam.

Antara peraturan-peraturan lain di bawah akta itu ialah Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) 2024 [P.U.(A) 219/2024]

yang menetapkan tempoh bagi suatu entiti NCII yang memiliki atau mengendalikan suatu NCII hendaklah membuat penilaian risiko keselamatan siber sekurang-kurangnya sekali setahun.

Selain itu, NCII perlu menjalankan audit sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun atau pada kekerapan yang lebih tinggi sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Ketua Eksekutif dalam mana-mana hal tertentu.

Turut dikuatkuasakan ialah Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber) 2024 [P.U.(A) 221/2024] yang terpakai bagi individu dan syarikat yang memberi perkhidmatan keselamatan siber berhubungan dengan perkhidmatan pemantauan pusat operasi keselamatan terurus dan perkhidmatan pengujian penembusan.

Peraturan-Peraturan Ke-

selamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024 [P.U.(A) 222/2024] pula memperuntukkan berhubung kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun iaitu subseksyen 20(6), 20(7), 22(7), 22(8), 24(4) dan 32(3).

Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber 2024 diluluskan di Dewan Negara pada 3 April lalu, selepas mendapat kelulusan di Dewan Rakyat pada 27 Mac lepas.

Ia bertujuan meningkatkan keselamatan siber negara menerusi pematuhan terhadap langkah, standard dan proses tertentu dalam pengurusan ancaman keselamatan siber.

Akta 854 sangat penting kerana NCII merangkumi sektor kerajaan, perbankan dan kewangan, pengangkutan, pertahanan dan keselamatan negara serta maklumat, komunikasi dan digital yang lazimnya menjadi sasaran serangan siber bagi melumpuhkan kerajaan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 AUG 2024

SUSTAINING MOMENTUM

A stable economy will keep ringgit strong

NST
2/8

IN recent days, the ringgit has been gaining ground against major currencies like the United States dollar and the Euro.

At the same time, gold prices have been moving too, which has had a noticeable impact on businesses and everyday life.

But as the ringgit strengthens, it's also natural to wonder how long this momentum can hold.

For many, a stronger ringgit is good news. It means that imports, such as electronics or the raw materials that businesses use, cost less. This helps keep inflation in check, making it easier to manage daily expenses.

But there's another side to consider as well. Malaysia's economy relies a lot on exports, like electronic products. When the ringgit gets stronger, such goods become pricier for overseas buyers, which could hurt sales.

The challenge is figuring out how to benefit from a strong currency without making our exports too expensive.

Gold plays a part in this story. When the ringgit rises, the price of gold usually drops.

This might make it a good time for people to buy gold. But if the ringgit keeps climbing, the returns on gold might not look as good, leading some to think about other investments.

Despite this, gold remains a popular choice. A lot of people may still see gold as a safe bet.

To keep the economy healthy, Malaysia might need to look at broadening its export range to industries that can keep their value even when the currency is strong.

One big reason behind the ringgit's recent strength is the government's Madani Economy framework. This policy aims to tackle corruption, ensure better governance and make systems more transparent.

These steps have boosted confidence in how the economy is managed, which contributes to an increase in foreign direct investments.

Recent reports indicate that economic growth is continuing.

In the second quarter of this year, gross domestic product grew 5.9 per cent year-on-year,

and 4.2 per cent in the first quarter. This indicates optimism for the economy, supported by resilient consumer spending, sustained high business investments and improved exports.

These are strong reasons for foreign investors to see Malaysia as a stable and promising place for their money as such efforts help keep the ringgit strong and contribute to economic growth.

For the ringgit to stay strong, Malaysia's economy should stay stable and resilient. That means keeping inflation under control, managing finances wisely and staying competitive internationally.

Political stability and good governance are also key to keeping investor confidence high and ensuring economic growth.

While outside influences, like

swings in global oil prices or shifts in US policy, could put pressure on the ringgit, careful management and continued focus on the Madani Economy, along with the ability to adapt to global changes will ensure the country stays on the right path.

DR MOHAMAD NIZAM JAAFAR
Arshad Ayub Graduate Business
School, Universiti Teknologi Mara



Resilient consumer spending and sustained high business investments indicate optimism about the economy. FILE PIC

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 27 AUG 2024

PLAYING CATCH-UP

Ringgit fair value versus US dollar is 3.90, says MIER

27th HST
27/8

KUALA LUMPUR: The ringgit is playing a catch-up game after a long period of being grossly undervalued and underperforming, said the Malaysian Institute of Economic Research (MIER). It said the nominal effective exchange rate and real effective exchange rate suggested that theoretically, the fair value of the ringgit was 3.90 versus the US dollar.

"Other approaches also point to a level between 3.90 and 4.20 versus the US dollar. The recent appreciation is expected to continue," it said in its monthly economic review report yesterday.

MIER said the ringgit stood to benefit from more than just the United States monetary policy.

It added that domestic factors, such as fiscal reforms aimed at reducing the budget deficit and strong gross domestic product growth that was expected to reach, if not exceed five per cent, would support the currency.

"Solid foreign direct investment, repatriation of funds by government-linked companies, and sustained current account surplus driven by robust exports in electronics, tourism, and services sectors, also further strengthen the outlook for the ringgit," it said.

MIER said foreign investment into Malaysia's equity and bond markets



was another positive factor for the currency.

It said after experiencing an outflow of RM823.6 million earlier in the year, the equities market saw an inflow of RM1.3 billion last month.

In the first half of the year, foreign fund inflows into the bond market reached RM874.6 million.

MIER also noted that by the end of the year, the ringgit could appreciate to 4.20 to 4.25 against the greenback from 4.59 at the end of last year.

However, it said the prolonged strength of the US dollar might keep the average exchange rate at around 4.60 to 4.64, compared to 4.56 last year.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: ..2..7..AUG 2024

Ringgit could rise to 4.20-4.25 by end of 2024: MIER

844
27/8

PETALING JAYA: The ringgit may strengthen to 4.20-4.25 by the end of 2024, rising from 4.59 at the close of 2023, as it plays catch-up after a prolonged period of undervaluation, which made it one of the most underperforming currencies.

However, the prolonged strength of the US dollar may keep the ringgit's average exchange rate around 4.60-4.64 against the greenback, compared with 4.56 in 2023.

Malaysian Institute of Economic Research (MIER), in its monthly economic review for July, noted that the ringgit stands to benefit from more than just US monetary policy.

Domestic factors, such as fiscal reforms aimed at reducing the budget deficit and strong gross domestic product growth expected to reach, if not exceed, 5% in 2024 could also support the currency.

Besides that, solid foreign direct investment, repatriation of funds from government-linked companies and a sustained current account surplus driven by robust exports in electronics, tourism, and services further strengthen the outlook for the ringgit.

MIER also noted that foreign investment into Malaysia's equity and bond markets is another positive factor for the currency.

The agency said after experiencing an outflow of RM823.6 million earlier in the year, the equity market saw an inflow of RM1.3 billion in July. In the first half of 2024, foreign inflows into the bond market reached RM874.6 million.

Despite the ringgit being currently undervalued, indicators such as nominal effective exchange rate and real effective exchange rate suggest that the Malaysian currency's fair value lies between 3.90 and 4.20 against the US dollar, MIER said.

It noted that other analyses suggest a range of 3.90 to 4.20 to the dollar, with the recent strengthening of the ringgit against the US unit and its anticipation that likely continues into 2024.

THE SUN

Tarikh: 27 AUG 2024

AN mpox outbreak spreading across several African countries that prompted the World Health Organisation (WHO) to call for a global emergency, has caused a spike in online disinformation about the viral disease.

No links to shingles or Covid vaccine

In a video circulated on X and Facebook, Wolfgang Wodarg, a German doctor known for his anti-vaccine views, claimed mpox and shingles shared the same symptoms. The physician also accused the pharmaceutical industry of frightening people to make profit.

This is false. Mpox is not a shingles epidemic caused by the Covid-19 vaccine.

Much is already known about the virus and the means to control it. Mpox, which was first detected in the 1970s in the Democratic Republic of the Congo (DRC), long predates Covid vaccines.

The disease, which is caused by a virus transmitted by infected animals but passed from human to human through close physical contact, belongs to the family of poxviruses - whereas shingles is a kind of herpes.

Mpox epidemic disinformation debunked

► Outbreak has no relation to shingles, Covid-19 vaccine

Symptoms also differ, with shingles causing smaller, painful lesions and rashes.

Not exclusive to gay men

Some social media users have dismissed their risk of contracting mpox with homophobic comments.

"There is no infectious disease in the world whose transmission is limited by a person's sexual orientation," said Yale University infectious disease specialist Richard Martinello.

"It is close, skin-to-skin contact which can lead to the spread of

mpox, not one's sexual orientation."

Pasteur Institute mpox expert Antoine Gessain said the virus is carried by liquid enclosed in vesicles - small pimples that form on the skin, adding that children can be infected through skin contact.

Heterosexuals with multiple partners, the population that drove the epidemic in the DRC in late 2023, can also transmit the disease.

No miracle cure

A popular conspiracy theory sparked by a 2022 video by controversial French researcher Didier Raoult has re-emerged on social media.

Raoult claimed a very effective drug used to treat mpox exists but is not made available.

The "most effective molecule" against mpox is "a Japanese drug

called Tranilast", he said in the video.

"It will never be marketed here (Europe) because it is extremely cheap."

But Tranilast, which was approved in 1982 in Japan and China to treat asthma, has never been clinically tested on humans for treating mpox.

However, vaccination combined with educating at-risk individuals and isolating contact cases helped the world contain the 2022 mpox outbreak.

Raoult, who is the former head of France's IHU Mediterranée research hospital, has been accused by French medical bodies of conducting "the largest 'unauthorised' clinical trial ever seen" into the use of hydroxychloroquine to treat Covid-19.

No lockdowns as of yet

"The WHO cannot and has not ordered governments to prepare for 'mega lockdowns' or any kind of lockdown due to mpox," WHO said.

This debunks disinformation that has spread online.

The UN agency added that while its mission is to provide "technical advice and support", countries retain "the sovereignty to take decisions and actions concerning the health of their populations".

For some conspiracy theorists, mpox is what they call a "plandemic", a pandemic orchestrated by the WHO, which they say is being manipulated by major pharmaceutical companies.

TikTok users have alleged the start of the school year had been delayed in France due to mpox. The French Education Ministry has since rejected the claims. - AFP

THE SUN
27 AUG 2024

Tarikh:

Call for justice in environmental crimes

THE recent call by His Royal Highness Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, Tengku Mahkota Pahang, for a thorough investigation into unlicensed e-waste processing factories is timely and crucial.

This concern highlights the urgent need to address environmental crimes, which are often ignored due to their complexity, the connections of the perpetrators or the gradual, almost imperceptible harm they cause. These crimes are not just legal violations, they are direct assaults on humanity, nature and biodiversity that sustain life on Earth.

Environmental crimes are often shrouded in secrecy and involve powerful individuals or organisations. The damage they inflict is slow but deadly, eroding ecosystems, contaminating water sources and polluting the air. This incremental destruction fosters complacency as the extent of harm becomes apparent only when it is too late.

These crimes are far from victimless. They have profound consequences that affect not only nature but also humanity. For example, illegal dumping of toxic waste contaminates soil and water, leading to serious health problems in communities. Pollutants enter the food chain, affecting crops, livestock, and ultimately, human health.

The illegal exploitation of natural resources, such as timber and wildlife, depletes biodiversity, pushing species

"The illegal exploitation of natural resources, such as timber and wildlife, depletes biodiversity, pushing species to extinction and disrupting ecosystems that have evolved over millennia."

to extinction and disrupting ecosystems that have evolved over millennia.

The demand for transparency resonates in a world where too many environmental crimes go unpunished.

Perpetrators, often shielded by powerful connections, manipulate the system to escape justice. These crimes, whether involving illegal logging, poaching or hazardous waste processing, are complex and span multiple jurisdictions, making them difficult to investigate and prosecute. However, complacency is no longer an option and such illegal activities should not be tolerated.



Authorities carrying out an inspection on water pollution in Sungai Semenyih, Selangor in efforts to ensure a sustainable environment. — ADIB RAWI YAHYA/SUNPIC

Combating environmental crimes requires a coordinated, multi-agency approach. While various government departments and agencies have specific regulatory powers, these are often limited.

To effectively address environmental crimes, these agencies must collaborate with the police, who have the tools and intelligence necessary to investigate a wide range of actors, including syndicates and masterminds who launder their ill-gotten gains.

A prime example of such collaboration is "Operasi Bersatu Khazanah", a joint operation that has been successful in curbing poaching and wildlife trafficking in Malaysia.

Another is the use of the Anti-Money Laundering Act to trace the flow of money from environmental crimes, making it harder for criminals to hide their illicit gains. Internationally, agencies can work with Interpol to dismantle networks involved in wildlife crime across borders.

The call for transparent investigations into environmental crimes is a reminder that these offences are attacks on our planet's future. To ensure justice, we must adopt a holistic approach that acknowledges the complexity of these crimes and the necessity of inter-agency collaboration. Only then can we protect our environment, preserve biodiversity and secure a sustainable future for generations to come.

WWF-Malaysia

THE SUN

Tarikh: 2.7.AUG.2024